



**JABATAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

GARIS PANDUAN

**PERMOHONAN
LESEN PENAJA**

**JABATAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
JALAN AIR PUTIH
24000 KEMAMAN TERENGGANU**

TEL: 09-8597700 / 7777 Faks:09-8595455

EMEL: mpk@mpkemaman.gov.my

LAMAN SESAWANG: www.mpk.terengganu.gov.my


TERBITAN 15 JULAI 2022 (BIL.1/2022)

1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk memohon Lesen Penjaja bagi menjalankan aktiviti perniagaan penjajaan sementara secara statik atau bergerak dan pasar pagi/pasar malam/pasar harian dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kemaman (MPK).

2. OBJEKTIF PELESENAN



- i) Memastikan semua kegiatan perniagaan penjaja dilesenkan untuk tujuan pengawalan dan pematuhan syarat-syarat lesen perniagaan.
- ii) Memastikan penjaja mematuhi syarat pelesenan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang disediakan.
- iii) Merancang dan mengawal semua aktiviti pelesenan penjaja bagi mencapai tahap pengurusan yang cekap dan berkualiti.



3. SKOP PELESENAN

Aktiviti penjajaan sebagaimana berikut:

Bil.	Aktiviti	Definisi	Contoh
i.	Kenderaan	Termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuk gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kereta, van, lori, vessel, bot atau rakit yang dipadankan atau digunakan bagi maksud menjaja.	
ii.	Penjaja sementara	Seseorang yang kadangkala menggunakan meja/payung dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua.	

iii.	Penjaja pasar pagi /pasar malam/ pasar harian	Seseorang yang menggunakan meja/payung di sesuatu tempat yang telah diwartakan sebagai tapak pasar pagi/pasar malam/pasar harian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis.	
iv.	Penjaja Statik	Seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk di jual apa-apa makanan , minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis.	

4. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti perniagaan penjajaan yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Perbandaran Kemaman iaitu:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- ii. Undang-Undang Kecil Penjaja (MDK) 1989.
- iii. UUK Pengendali Makanan (MDK) 1990.

5. LARANGAN PENJAJAAN

Mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja (MDK) 1989, tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya melainkan dibenarkan oleh Yang Dipertua sebagaimana berikut:-

Bil.	Kawasan Larangan Menjaja
i.	Hadapan bangunan kerajaan termasuk pejabat kerajaan, hospital, sekolah, juga termasuk hadapan bank atau lokasi yang dinyatakan oleh pihak MPK dari masa ke semasa.
ii.	Larangan menjaja di atas longkang.
iii.	Larangan menjaja berhampiran simpang masuk atau keluar (50 meter).
iv.	Halangan menjaja berhampiran lampu isyarat (100 meter).
v.	Larangan menjaja di dalam taman awam atau kawasan lanskap MPK.
vi.	Perhentian bas, stesen bas, stesen teksi atau lain-lain yang dinyatakan oleh MPK dari semasa ke semasa.
vii.	Semua tempat letak kereta awam.
viii.	Semua bahagian jalan-jalan awam yang akan ditentukan oleh Yang Dipertua.

6. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Bil.	Syarat Asas Permohonan
i.	Warganegara Malaysia, (warga asing tidak layak memohon)
ii.	Berumur 18 tahun ke atas
iii.	Mengisi dan mengemukakan permohonan lesen penjaja melalui Sistem e-Lesen dengan lengkap bersama dokumen asas permohonan sebagaimana di Bil.(7).

7. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
i.	Kad pengenalan pemohon	Satu (1) salinan
ii.	Gambar berukuran passport	Dua (2) keping
iii.	Salinan Pendaftaran Perniagaan (SSM/ Daftar Syarikat)	Satu (1) salinan
iv.	Salinan Perjanjian Sewa premis/ surat kebenaran salinan geran tanah yang disahkan / surat kebenaran daripada pejabat tanah bagi (penjaja tepi jalan)	Satu (1) salinan
v.	Pelan Lokasi premis - boleh di dapati di tingkat 4 (Perancang Bandar MPK)	Satu (1) salinan
vi.	Gambar pandangan hadapan dan dalam premis / kenderaan (bagi penjaja bergerak guna kenderaan)	Satu (1) salinan
vii.	Lakaran pelan lantai premis beserta ukuran	Satu (1) salinan
viii.	Salinan suntikan anti tifoid bagi pemohon dan semua pekerja	Satu (1) salinan
ix.	Visual beserta ukuran papan iklan (bagi premis yang memerlukan iklan)	Satu (1) salinan


iix)	Surat sokongan agensi Teknikal (Pejabat Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Tanah dll)	Satu (1) salinan
iiix)	Lain-lain sokongan / ulasan Jabatan Luar	Satu (1) salinan



8. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PENJAJA

Muat turun borang dengan cara mengisi dan mengemukakan permohonan melalui Sistem e-Lesen (elesen.mpkemaman.gov.my) bersama dokumen lampiran yang diperlukan dengan memuatnaik kedalam sistem yang sama.

Mengisi dan mengemukakan permohonan melalui Sistem e-Lesen (elesen.mpkemaman.gov.my) bersama dokumen lampiran yang diperlukan dengan memuatnaik kedalam sistem yang sama.




Kaunter Pelesenan
Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman,
24000 Kemaman, Terengganu.

Waktu Operasi Kaunter:
Ahad - Rabu
8.00 pagi – 4.30 petang
Khamis
8.00 pagi – 2.30 petang

No.Tel: 09-8597700/ 7777
Faks: 09-8595455
E-mel : mpk@kemaman.gov.my
Web : www.mpk.terengganu.gov.my

9. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PENJAJA DAN CARTA ALIR

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PENJAJA / PENJAJA SEMENTARA



10. SYARAT – SYARAT AM PENJAJA

1. Warganegara Malaysia. Berumur 18 tahun keatas.
2. Pemohon perlu mendapat kelulusan penganjur/ pemilik tapak.
3. Waktu perniagaan mestilah mengikut masa yang telah ditetapkan oleh PBT.
4. Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat.
5. Dilarang membina struktur binaan kekal ditapak menjaja.
6. Kawasan perniagaan perlu dibersihkan dan dikosongkan selepas waktu berniaga.
7. Lesen perniagaan ini tidak boleh digunakan atau diniaga oleh orang lain.
8. Dilarang menjalankan aktiviti perniagaan dikawasan berikut:
 - 8.1. 9 meter dari simpang jalan / pili bomba.
 - 8.2. 200 meter dari kawasan sekolah, bahu jalan utama dan kawasan letak kereta berbayar.

11. SYARAT – SYARAT TAMBAHAN PENJAJA BERGERAK (KENDERAAN)

1. Bagi penjaja yang menggunakan kenderaan diwajibkan mendapat kelulusan daripada JPJ dan mematuhi peraturan berkaitan.
2. Kenderaan berguna seperti lori rigid berwarna putih yang bersesuaian untuk jenis kenderaan.
3. Dilarang menjalankan aktiviti berniaga:
 - i. Dalam lingkungan 9 meter (30 kaki) dari simpang jalan
 - ii. Dalam lingkungan 3 meter (10 kaki) dari pili Bomba
 - iii. Diatas tangga, siar kaki lima, kaki lima awam, pepulau, atau saluran perparitan longkang kecuali dengan kebenaran PBT.
 - iv. Penjualan makanan dan minuman dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekolah adalah dilarang bagi semua penjaja statik, penjaja beredar dan penjaja sementara.
4. Tidak boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang / mengganggu lalulintas dan pergerakan orang pejalan kaki.

5. Tindakan penguatkuasaan (kompaun / pembatalan lesen) akan diambil keatas penjaja yang melanggar peraturan yang ditetapkan.
6. Bagi penjaja bergerak tidak dibenarkan (meletakkan / meninggalkan) barang perniagaan seperti meja, payung dan kerusi di tempat perniagaan.
7. Dilarang untuk peniaga ditempat yang tidak dibenarkan.
8. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencuci peralatan perniagaan ditempat perniagaan.

12. SYARAT-SYARAT PENGENDALI MAKANAN

1. Semua pengendali makanan yang terlibat di dalam penyediaan atau penyajian makanan hendaklah:
 - i. Mengambil suntikan pelalian Typhoid/TY2 dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan yang diiktiraf sebelum menjalankan aktiviti perniagaan.
 - ii. Setiap pengusaha/pengendalian makanan diwajibkan menghadiri Kursus Asas Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis.
 - iii. Setiap pekerja diwajibkan memakai apron yang berwarna cerah, topi, penutup kepala dan kasut yang bertutup semasa mengendalikan makanan/minuman.
 - iv. Menggunakan peralatan yang bersih, sesuai dan sempurna semasa mengendalikan makanan.
 - v. Setiap pengendali makanan dilarang:
 - a) Berkuku panjang dan kotor
 - b) Merokok semasa mengendalikan makanan
 - c) Memakai selipar dan sandal
 - d) Menyentuh dan mengambil makanan yang dimasak dengan tangan (hendaklah menggunakan sarung tangan dan peralatan yang sesuai).
 - vi. Orang-orang yang dilarang mengendalikan makanan:
 - a) Seseorang yang menghidap penyakit berjangkit
 - b) Seseorang yang membawa apa-apa penyakit merebak
 - c) Seseorang yang menghidap penyakit yang menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan / penyakit kulit.
 - d) Seseorang yang mempunyai sebab dan disyaki menyebarkan organisma

yang membiak penyakit.

e) Seseorang yang bersentuhan dengan mana-mana orang yang menyebabkan penyakit merebak.

vii. Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Kesihatan Malaysia.

2. Menyediakan bekalan air bersih untuk kegunaan dalam penyediaan makanan/minuman kepada pelanggan.
3. Kebersihan tempat menjaja dan kawasan sekitarnya hendaklah sentiasa dijaga
4. Tidak membuang sisa perniagaan ke dalam sistem perparitan. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan tidak boleh dibuang di mana-mana tetapi perlu diuruskan dengan betul atau dimusnahkan. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan meletakkan, menumpahkan, menaburkan atau membuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk ke dalam mana-mana longkang atau tempat awam.
5. Semua sampah dan lebihan makanan hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum di buang ke dalam tong sampah. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan tertutup.
6. Semua gerai makanan perlu memastikan keperluan pemasangan perangkap minyak (grease trap) dipatuhi.
7. Memastikan semua makanan ditutup atau dipamerkan di tempat yang khas supaya ianya tidak akan dicemari oleh LILATI (lalat, lipas dan tikus).
8. Semua bahan-bahan yang digunakan dalam masakan perlu disimpan dalam bekas bertutup dan dilabelkan.
9. **DILARANG** untuk mengganggu perjalanan trafik, menghalang atau mengganggu laluan pejalan kaki / orang awam.
10. Penjaja hendaklah mematuhi arahan bertulis yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan semasa menjalankan perniagaan.
11. **TIDAK DIBENARKAN** meletak kerusi/meja tanpa kebenaran pihak Majlis.
12. **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan peralatan menjual selepas tamat perniagaan.

13. SYARAT-SYARAT PENJAJA PASAR MALAM / MINGGU

1. Setiap peniaga mestilah sentiasa menjaga kebersihan tapak jualan sebelum dan selepas perniagaan.
2. Menjalankan perniagaan di tempat yang dibenarkan sahaja.
3. Tidak menambah keluasan gerai melebihi had yang dibenarkan.
4. Tidak dibenarkan merentang tali pengikat kanvas pada mana-mana tiang atau pokok.
5. Sentiasa memakai apron / tutup kepala bagi penjual makanan.
6. Pelesen / pengendali hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan selepas tamat tempoh.
7. Makanan hendaklah sentiasa ditutup bagi mengelakkan pencemaran habuk/debu.
8. Dilarang mengendali dan menyediakan makanan atau meletak bahan-bahan makanan di atas jalan / lantai.
9. Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan dan hendaklah ditunjukkan kepada pegawai yang diberi kuasa semasa pemeriksaan dijalankan.
10. Pelesen tidak dibenarkan membuat pindah milik lesen kecuali setelah mendapat kelulusan daripada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kemaman.
11. Pemegang lesen hendaklah menjalankan sendiri atau mengawasi perniagaan di gerai atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atau sesuatu sebab yang munasabah.
12. Tidak dibenarkan menggunakan polisterin, plastik sekali guna dan straw dalam urusan jual-beli.
13. Menyediakan tong sampah dan beg plastik bagi mengisi sampah.
14. Menghentikan aktiviti perniagaan 15 minit sebelum dan selepas waktu Maghrib.
15. Waktu menjalankan perniagaan hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kemaman.
16. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kemaman boleh membatalkan lesen/permit pada bila-bila masa tanpa apa-apa sebab.


14. PIAGAM PELANGGAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

PIAGAM PELANGGAN	TEMPOH
Tempoh proses permohonan Lesen Penjaja Sementara diberikan keputusan	1 hari bekerja bagi yang tidak berisiko / 60 hari bagi yang berisiko dari permohonan lengkap diterima
Tempoh proses permohonan Lesen Penjaja Pasar Pagi/Pasar Malam/Pasar Harian diberikan keputusan	Kelulusan serta-merta dari permohonan lengkap diterima

15. KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN

PEMBAHARUAN LESEN	TEMPOH BAYARAN	DOKUMEN & FI	PIAGAM PELANGGAN
<ul style="list-style-type: none"> Pembaharuan boleh dibuat di kaunter Pelesenan Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman / Pejabat Cawangan MPK Kerteh 	<ul style="list-style-type: none"> Jan sehingga Feb setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan lesen penjaja semasa 	<ul style="list-style-type: none"> Kelulusan serta merta sekiranya dokumen lengkap

CARTA ALIR PEMBAHARUAN LESEN PENJAJA



16. FI PEMBAYARAN LESEN

FI YANG PERLU DIBAYAR BAGI PERMOHONAN LESEN PENJAJA:

BIL.	ITEM	FI (RM)	KAEDAH	BAYARAN
1.	Wang proses	20.00	Tunai/ Kad kredit/Debit/Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan
2.	Fi lesen	Ditetapkan mengikut kadar dalam UUK Penjaja (MDK) 1989	Tunai/ Kad kredit/Debit/Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan
3.	Fi Sarung Lesen	7.00	Tunai/ Kad kredit/Debit/Cek/ Pos	Selepas permohonan diluluskan/mengikutkeperluan pelesen

17. KADAR BAYARAN FI LESEN IKUT JENIS AKTIVITI:-**UUK PENJAJA (MDK) 1989**

NO.	JENIS	KADAR FI (RM)
1.	Penjaja Statik	120.00 setahun
2.	Penjaja Bergerak	36.00 setahun
3.	Penjaja Tempat Awam	50.00 setahun
4.	Pasar malam / pasar pagi (mengikut aktiviti) :	
	Menjual makanan/ minuman	36.00 setahun
	Pakaian	90.00 setahun
	Pelbagai	50.00 setahun
5.	Menjual buah-buahan	40.00 setahun
6.	Car Boot Sale	36.00 – 90.00 setahun
7.	Permit Sementara Penjaja	50.00 (per 3 bulan)


18. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	Lesen Penjaja
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	1) Pengeluaran surat kelulusan lesen (pos atau pengambilan di Pejabat Jabatan Pelesenan). 2) Panggilan telefon kepada pemohon.

19. PEMBATALAN LESEN

PEMBATALAN LESEN	DOKUMEN & FI	PIAGAM PELANGGAN
<ul style="list-style-type: none"> Menghantar borang permohonan batal lesen atau Melalui surat permohonan secara rasmi ke Jabatan Pelesenan MPK 	<ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan lesen penjaja semasa / salinan pendua lesen semasa 	<ul style="list-style-type: none"> Kelulusan serta mertasekiranya dokumen lengkap

20. CARTA ALIR PEMBATALAN LESEN PENJAJA



21. SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN

Seperti di **LAMPIRAN 1**

22. BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN

Seperti di **LAMPIRAN 2**

23. BORANG PERMOHONAN PEMBATALAN LESEN

Seperti di **LAMPIRAN 3**



LAMPIRAN 1

SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN *elesen.mpkemaman.gov.my*

SENARAI SEMAK					Memapan
<div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-bottom: 10px;"> Tambah Senarai Semak Cetak Surat Sokongan Pejabat Kesihatan Cetak Surat Sokongan Pejabat Bomba </div>					
#	Perkara	Keterangan	Status	Muat Naik	
1	SALINAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN (SSM) / DAFTAR SYARIKAT (MAA)		Pertu ada	✓	
2	SALINAN PERJANJIAN SEWA PREMIS / SURAT KEBENARAN SALINAN GERAN TANAH YANG DISAHKAN / SALINAN DAN SURAT KEBENARAN MENGGUNAKAN KENDERAAN		Pertu ada	✓	
3	PELAN LOKASI PREMIS (BOLEH DIDAPATI DI KAUNTER JABATAN PERANCANGAN)		Pertu ada	✓	
4	2 KEPING GAMBAR DALAM DAN LUAR PREMIS / KENDERAAN YANG DIGUNAKAN.		Pertu ada	✓	
5	LAKARAN / VISUAL PAPAN IKLAN YANG AKAN DIPAMER MENGGUNAKAN DEWAN BAHASA & PUSTAKA		Jika ada	✓	
6	PERJANJIAN SEWAAN RUMAH KEDIAMAN (1 SALINAN)		Jika ada	✓	
7	SURAT SOKONGAN PEJABAT KESIHATAN DAERAH KEMAMAN		Jika ada	Muatnaik	
8	SURAT SOKONGAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT CUKAI (SILA KEMUKAKAN SEKIRANYA BANGUNAN DIGUNAKAN ADALAH BANGUNAN TANPA CCC/CFO)		Jika ada	Muatnaik	
9	SALINAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN CCC/CFO/PELAN BANGUNAN SEMENTARA/PELAN BANGUNAN		Jika ada	Muatnaik	
10	1 KEPING SALINAN KAD PENGENALAN PEMOHON		Pertu ada	✓	
11	1 KEPING SALINAN KAD PENGENALAN BAGI SETIAP PEKERJA		Jika ada	✓	
12	1 SALINAN SIJIL PERAKUAN SUNTIKAN ANTI TYPHOID PEMOHON		Jika ada	✓	
13	1 SALINAN SIJIL PERAKUAN SUNTIKAN ANTI TYPHOID BAGI SETIAP PEKERJA (JIKA ADA)		Jika ada	✓	
14	PELAN LANTAI BERSERTA UKURAN		Pertu ada	✓	

LAMPIRAN 2

BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN

Jenis Premis

Sila Pilih

Carian Pemohon

Cari

** Klik pada kotak jika pemohon tiada dalam senarai.

Nama Syarikat

No Daftar Syarikat

Unit Ukuran

- Kaki persegi
 Meter persegi

Panjang Lantai Premis

Lebar Lantai Premis

Luas Lantai Premis

 KPS

Luas Lantai Premis

 MPS

No Telefon Pejabat / Rumah

No Fax

Alamat Premis

Poskod

Carian Poskod

Carian Mukim

Daerah

Negeri

Status Tanah

- Tanah Kerajaan Tanah Individu



Pemohon Permohonan Baru Permohonan ▾ Lesen ▾ Penggredan Tunggakan Sewa Tetapan ▾ Log Keluar (Farahin)

Jenis Bangunan

- Kedai Rumah Kediaman Industri Kereta Tolak/Kiosk Petak Letak Kereta Lain-lain

Status Bangunan

- Kekal Sementara Separuh Kekal Kereta Tolak/Kiosk Kanopi Lain-lain

Kelulusan Bangunan

- Permit Bangunan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) Tiada

Kod Perniagaan Utama

Tanda perniagaan utama di bahagian senarai aktiviti di bawah.

PERMOHONAN AKTIVITI PERNIAGAAN DAN IKLAN

Klik dibawah



Bil.	Jenis Perniagaan	Aktiviti	Amaun (RM)	Tindakan	Perniagaan Utama
Sila pilih aktiviti dibawah					
Jumlah Keseluruhan (RM)			0.00		

Aktiviti

Carian jenis lesen ...

+ Tambah Pilihan ke senarai diatas

Teruskan

Jenis Premis

Sila Pilih

Carian Pemohon

Cari

**** Klik pada kotak jika pemohon tiada dalam senarai.** **Nama Syarikat****No Daftar Syarikat****Unit Ukuran**

- Kaki persegi
 Meter persegi

Panjang Lantai Premis**Lebar Lantai Premis****Luas Lantai Premis** KPS**Luas Lantai Premis** MPS**No Telefon Pejabat / Rumah****No Fax****Alamat Premis****Poskod**Carian Poskod Carian Mukim Daerah Negeri **Status Tanah**

- Tanah Kerajaan Tanah Individu



Pemohon Permohonan Baru Permohonan Lesen Penggredan Tunggakan Sewa Tetapan Log Keluar (Farahin)

Jenis Bangunan

- Kedai Rumah Kediaman Industri Kereta Tolak/Kiosk Petak Letak Kereta Lain-lain

Status Bangunan

- Kekal Sementara Separuh Kekal Kereta Tolak/Kiosk Kanopi Lain-lain

Kelulusan Bangunan

- Permit Bangunan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) Tiada

Kod Perniagaan Utama

Tanda perniagaan utama di bahagian senarai aktiviti di bawah.

PERMOHONAN AKTIVITI PERNIAGAAN DAN IKLAN

Klik dibawah



Bil.	Jenis Perniagaan	Aktiviti	Amaun (RM)	Tindakan	Perniagaan Utama
Sila pilih aktiviti dibawah					
Jumlah Keseluruhan (RM)			0.00		

AktivitiCarian jenis lesen ... [+ Tambah Pilihan ke senarai diatas](#)[Teruskan](#)

LAMPIRAN 3

BORANG PERMOHONAN PEMBATALAN LESEN

(Alamat surat menyurat)

Bertarikh : _____

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kemaman
24000 Kemaman, Terengganu.



Tuan,

POHON PEMBATALAN LESEN : _____
NO. RUJUKAN FAIL : MPK/BP/ _____

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas, adalah dimaklumkan saya telah menutup perniagaan tersebut pada _____ .

2. Dengan ini saya mohon :-

- () Lesen tersebut dibatalkan.
- () Wang amanah papa tanda berjumlah RM _____ no. resit _____ dikembalikan. (resit asal disertakan)
- () Tidak akan menuntut balik bayaran wang amanah.

Sekian terima kasih.

Saya yang benar,

Nama :